



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**

www.ijeipc.com



**PENDEKATAN KECERDASAN PELBAGAI DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENULISAN BAHASA
INGGERIS MURID B40 DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI
PERLIS: SUATU TINJAUAN**

*APPLYING THE MULTIPLE INTELLIGENCES APPROACH TO ENHANCE
ENGLISH WRITING SKILLS AMONG B40 STUDENTS IN SECONDARY
SCHOOLS IN PERLIS: A SURVEY STUDY*

Jauriah Md Azali^{1*}, Farrah Syuhaida Ismail², Yeap Teik Wei³, Noor Laila Mohd Akil⁴

¹ Department of Education Studies, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: jauriah.mdazali@ipgm.edu.my

² Department of Education Studies, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: farrahsyuhaida@ipgm.edu.my

³ Department of Education Studies, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: yeapteikwei@ipgm.edu.my

⁴ Department of Education Studies, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia
Email: noorlaila@ipgm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 14.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Azali, J. M., Ismail, F. S., Yeap, T. W., & Akil, N. L. M. (2025). Pendekatan Kecerdasan Pelbagai Dalam Meningkatkan Kemahiran Penulisan Bahasa Inggeris Murid B40 Di Sekolah Menengah Negeri Perlis: Suatu Tinjauan. *International Journal*

Abstrak:

Kajian ini bertujuan meneliti keberkesanan pendekatan Kecerdasan Pelbagai dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid B40 di sekolah menengah negeri Perlis. Objektif kajian merangkumi dua aspek utama: pertama, mengenal pasti domain kecerdasan pelbagai yang paling dominan dalam kalangan murid B40 yang lemah dalam penulisan Bahasa Inggeris; dan kedua, menilai peningkatan pencapaian penulisan selepas pelaksanaan program intervensi "Smart Score" melalui My English Writing Guide Book (MyEWGB). Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan deskriptif dengan melibatkan 30 orang murid B40 sebagai sampel. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik untuk mengenal pasti jenis kecerdasan dominan serta ujian pra dan pos bagi menilai tahap pencapaian kemahiran penulisan. Dapatan menunjukkan bahawa tiga jenis kecerdasan yang paling dominan ialah kecerdasan intrapersonal, naturalis dan kinestetik. Analisis perbandingan antara keputusan ujian pra dan pos menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran penulisan karangan Bahasa Inggeris selepas pelaksanaan program "Smart Score".

of Education, Psychology and
Counseling, 10 (59), 111-125.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059009

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Penemuan ini menyokong keberkesanan pendekatan Kecerdasan Pelbagai sebagai strategi pedagogi yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid secara lebih holistik, khususnya dalam kalangan pelajar daripada kumpulan sosioekonomi rendah. Kajian ini mencadangkan agar guru-guru mempertimbangkan pelaksanaan kaedah pengajaran yang mengambil kira kepelbagaian kecerdasan dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan pencapaian akademik secara menyeluruh.

Kata Kunci:

Kecerdasan Pelbagai, Murid B40, Pencapaian Akademik, Penulisan Bahasa Inggeris, Smart Score

Abstract:

This study investigates the effectiveness of the Multiple Intelligences (MI) approach in enhancing English essay writing skills among B40 students in secondary schools across Perlis. The research focuses on two key objectives: (1) to identify the most dominant MI domains among B40 students with weak English writing skills, and (2) to assess improvements in writing performance following the implementation of the “Smart Score” intervention, delivered through *My English Writing Guide Book (MyEWGB)*. Adopting a descriptive research design, the study involved 30 of B40 students as participants. Data were collected using a questionnaire to determine dominant intelligences, along with pre- and post-tests to measure writing proficiency. Findings revealed that the most dominant intelligences among participants were intrapersonal, naturalistic, and bodily-kinesthetic. A comparative analysis of pre- and post-test results demonstrated a significant improvement in students’ English writing skills after the intervention. The results affirm the potential of the Multiple Intelligences approach as an effective pedagogical strategy that caters to diverse learning needs, especially among students from lower socioeconomic backgrounds. The study recommends that educators incorporate intelligence-based instructional methods to foster more inclusive and impactful academic outcomes.

Keywords:

Multiple Intelligences, B40 Students, Academic Achievement, English Writing, Smart Score

Pengenalan

Kemahiran penulisan Bahasa Inggeris merupakan elemen penting dalam pencapaian akademik dan kebolehpasaran pelajar pada masa kini. Namun begitu, murid daripada kumpulan berpendapatan rendah, khususnya murid B40 di negeri Perlis, sering menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran ini. Faktor seperti kekurangan akses kepada bahan pembelajaran, kurangnya bimbingan secara peribadi, serta persekitaran yang tidak menyokong perkembangan bahasa telah menjadi antara punca utama kelemahan dalam penulisan (Rashid & Abdullah, 2021). Faktor sosial, ekonomi, serta akses terhadap sumber pembelajaran yang terhad juga sering menghalang mereka daripada mencapai potensi penuh dalam penguasaan Bahasa Inggeris (Fung, 2015).

Oleh itu, adalah penting untuk mencari pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran penulisan Bahasa Inggeris mereka, terutamanya dalam kalangan murid B40. Oleh itu, artikel ini memberi tumpuan kepada bagaimana pendekatan berasaskan kecerdasan pelbagai dapat dimanfaatkan untuk mempertingkatkan kemahiran penulisan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid B40 secara lebih berkesan dan holistik. Dalam konteks ini, teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Howard Gardner dilihat sebagai pendekatan yang berpotensi besar dalam menangani isu ini. Teori ini menekankan bahawa setiap individu mempunyai kecerdasan yang berbeza, dan dengan mengenal pasti kecerdasan dominan murid, guru boleh merancang aktiviti pengajaran yang lebih sesuai dan menarik (Gardner, 1983; Karami & Kiani, 2022).

Ismail, AlSaqqaf dan Din (2021) telah menjalankan satu kajian tentang hubungan antara jenis kecerdasan pelbagai dan pencapaian Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar prauniversiti di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kajian ini menggunakan soal selidik kecerdasan pelbagai berdasarkan Model Gardner serta keputusan SPM Bahasa Inggeris pelajar sebagai data utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecerdasan interpersonal merupakan kecerdasan yang paling dominan mengatasi kecerdasan verbal-linguistik yang lazimnya dianggap paling berkaitan dengan kemahiran bahasa. Hasil ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai keupayaan berinteraksi secara sosial dan berkomunikasi dengan orang lain secara berkesan cenderung untuk memperoleh pencapaian yang lebih baik dalam subjek Bahasa Inggeris. Oleh itu, kajian ini menyarankan agar pendekatan pengajaran Bahasa Inggeris, khususnya dalam penulisan, mengambil kira elemen interaksi sosial dan aktiviti kolaboratif yang dapat merangsang kecerdasan interpersonal pelajar, termasuk dalam kalangan pelajar B40 yang mungkin lebih memerlukan sokongan dalam bentuk interaksi dan motivasi kumpulan.

Dalam konteks murid B40, pendekatan ini memberi peluang kepada pendidik untuk merancang aktiviti penulisan yang tidak hanya berfokus kepada teknik menulis konvensional, tetapi juga melibatkan pelbagai elemen kreatif dan interaktif yang dapat disesuaikan dengan kecerdasan pelajar. Sebagai contoh, murid yang memiliki kecerdasan kinestetik mungkin lebih berkesan dengan aktiviti penulisan yang melibatkan pergerakan atau permainan peranan, manakala murid dengan kecerdasan interpersonal boleh berkolaborasi dalam sesi penulisan berpasangan atau berkumpulan. Pendekatan ini jika dilaksanakan dengan baik dapat meningkatkan minat murid untuk menulis dan seterusnya mengatasi halangan yang wujud dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan murid B40. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana pendekatan kecerdasan pelbagai boleh diaplikasikan dalam pengajaran penulisan Bahasa Inggeris kepada murid B40 di sekolah menengah Negeri Perlis. Kajian ini juga bertujuan untuk memberi cadangan praktikal kepada pendidik dalam merancang aktiviti pengajaran yang lebih inklusif dan berkesan berdasarkan kekuatan kecerdasan individu murid.

Sorotan Kajian

Definisi Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan Pelbagai merupakan teori yang diperkenalkan oleh Howard Gardner pada tahun 1983 yang menyatakan bahawa kecerdasan manusia tidak terhad kepada satu bentuk sahaja, seperti linguistik atau logik semata-mata. Sebaliknya, terdapat pelbagai jenis kecerdasan yang wujud dalam diri individu seperti linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal, naturalis dan eksistensial (Gardner, 1983). Teori ini menekankan bahawa setiap individu mempunyai kombinasi unik kecerdasan yang boleh digilap dan

dimanfaatkan dalam proses pembelajaran. Dalam konteks pendidikan, pendekatan berasaskan kecerdasan pelbagai membolehkan guru mengenal pasti kekuatan murid dan menyesuaikan strategi pengajaran agar lebih efektif, terutamanya dalam meningkatkan kemahiran penulisan (Armstrong, 2009; Karami & Kiani, 2022).

Kemahiran Penulisan Bahasa Inggeris

Kemahiran penulisan dalam Bahasa Inggeris melibatkan keupayaan untuk menyusun dan menyampaikan idea secara teratur, menggunakan struktur tatabahasa yang betul serta kosa kata yang sesuai. Ia merupakan salah satu kemahiran tinggi dalam pembelajaran bahasa yang memerlukan pemahaman mendalam terhadap struktur bahasa serta kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Kajian menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran penulisan memberi kesan langsung terhadap pencapaian akademik pelajar dan kebolehpasaran mereka dalam kerjaya masa depan (Alvarez, 2021). Bagi pelajar yang lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris, kemahiran ini menjadi cabaran yang besar dan memerlukan pendekatan pembelajaran yang bersifat menyeluruh dan bersesuaian dengan gaya belajar mereka (Rashid & Abdullah, 2021).

Kumpulan Murid B40

Golongan B40 merujuk kepada 40 peratus isi rumah terendah dari segi pendapatan di Malaysia. Murid dari latar belakang B40 sering kali berhadapan dengan pelbagai cabaran pendidikan seperti kekangan kewangan, akses terhad kepada sumber pembelajaran, kurang sokongan akademik di rumah, serta motivasi belajar yang rendah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Dalam konteks pengajaran Bahasa Inggeris, mereka berisiko ketinggalan berbanding rakan sebaya mereka kerana kekurangan peluang untuk mengasah kemahiran berbahasa di luar bilik darjah. Oleh itu, pendekatan seperti kecerdasan pelbagai dan pemerksaan peribadi dapat menjadi alat yang berkesan untuk membantu murid B40 mengatasi jurang pencapaian dan membina keyakinan dalam penghasilan penulisan Bahasa Inggeris yang berkualiti (Azali et al., 2025).

Hubung Kait antara Kemahiran Penulisan Bahasa Inggeris dan Kecerdasan Pelbagai

Kemahiran penulisan Bahasa Inggeris merupakan satu bentuk kemahiran aras tinggi yang memerlukan penguasaan aspek bahasa seperti struktur tatabahasa, kosa kata, organisasi idea serta keupayaan menyampaikan mesej secara jelas dan efektif. Namun, gaya pembelajaran pelajar yang berbeza sering kali menimbulkan cabaran dalam penguasaan kemahiran ini, khususnya bagi murid yang datang daripada latar belakang sosioekonomi rendah. Dalam konteks ini, teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Gardner (1983) menyediakan satu kerangka yang lebih inklusif dan bersifat individu dalam membantu murid menguasai penulisan. Teori ini menyatakan bahawa setiap individu mempunyai kecerdasan unik yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembelajaran, termasuk dalam mengembangkan kemahiran penulisan (Armstrong, 2009).

Kecerdasan pelbagai memberi peluang kepada murid untuk mengekspresikan diri melalui pelbagai cara penulisan yang selari dengan kecenderungan semula jadi mereka. Sebagai contoh, murid yang mempunyai kecerdasan intrapersonal lebih cenderung menghasilkan penulisan yang reflektif dan bersifat introspektif, kerana mereka mempunyai keupayaan yang tinggi dalam memahami emosi serta motivasi diri. Manakala murid dengan kecerdasan naturalis pula cenderung menghasilkan penulisan yang berlatarkan elemen alam sekitar, serta lebih kreatif dalam menggambarkan pengalaman berdasarkan persekitaran. Murid yang dominan dalam kecerdasan kinestetik pula lebih terangsang melalui pembelajaran berbentuk

fizikal dan pengalaman langsung. Mereka menunjukkan hasil penulisan yang lebih baik apabila tugas diberikan dalam bentuk refleksi terhadap aktiviti luar atau pengalaman praktikal (Karami & Kiani, 2022).

Pendekatan pengajaran yang berasaskan kecerdasan pelbagai dapat membantu guru merancang aktiviti penulisan yang lebih sesuai dengan profil kecerdasan murid. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap penguasaan penulisan, malah turut menyumbang kepada motivasi dalaman serta keyakinan diri murid untuk menulis. Kajian oleh Shamsuddin dan Azman (2019) menunjukkan bahawa pendekatan yang mengutamakan penglibatan aktif pelajar, seperti menggunakan permainan peranan, aktiviti kumpulan, dan penulisan berasaskan pengalaman, dapat memperbaiki kemahiran penulisan mereka. Ini amat penting untuk murid B40 yang mungkin tidak mempunyai pendedahan yang cukup dalam aktiviti pembelajaran tradisional. Kajian oleh Rashid dan Abdullah (2021) mendapati bahawa pendekatan ini amat berkesan dalam kalangan murid B40 kerana ia menghormati kepelbagaian keupayaan dan latar belakang mereka, seterusnya membina pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Oleh itu, integrasi kecerdasan pelbagai dalam pengajaran kemahiran penulisan bukan sekadar menyokong pencapaian akademik, tetapi juga memperkukuh potensi murid secara menyeluruh dan holistik. Ini bersesuaian dengan kajian oleh Irawati dan Yusnita (2016) yang mengaplikasi kecerdasan pelbagai untuk meningkatkan kemahiran penulisan deskriptif pelajar. Manakala kajian Amin dan Malik (2021) juga mengenalpasti aktiviti kecerdasan kinestetik membantu meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar.

Program Smart Score melalui intervensi My English Writing Guide Book (MyEWGB)

Hasil analisis dapatan kajian mendapati 3 kecerdasan pelbagai yang paling dominan adalah kecerdasan intrapersonal, naturalis dan kinestetik. Maka, satu panduan yang diberi nama My English Writing Guide Book (MyEWGB) telah dibangunkan untuk membantu penulisan Bahasa Inggeris murid sekolah menengah. Ujian pra dan pasca (pos) telah diberikan kepada 30 responden tersebut untuk menilai peningkatan yang berlaku setelah pelaksanaan My English Writing Guide Book (MyEWGB). Kesahan kandungan (*content validity*) My English Writing Guide Book (MyEWGB) ditentukan oleh pakar-pakar dalam bidang Bahasa Inggeris. Menurut Mayer (1988) sesuatu pembinaan bahan perlu diuji atau dinilai oleh pakar supaya modul menepati objektif dan tujuan pembinaannya. Pakar dipilih untuk memberi pandangan, menyemak dan menilai struktur pembinaan dan isi kandungan modul. Pemilihan pakar dibuat berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Pemilihan pakar bertujuan untuk menilai My English Writing Guide Book (MyEWGB) yang telah dibangunkan. Seramai dua orang pakar yang terdiri dari guru cemerlang Bahasa Inggeris sekolah Menengah dan Pensyarah Bahasa Inggeris Institut Pendidikan Guru Malaysia dilantik untuk menilai My English Writing Guide Book (MyEWGB) dengan menggunakan soal selidik yang disediakan.

Intervensi ini mengetengahkan elemen kecerdasan pelbagai yang dominan hasil dapatan soal selidik. Dapatan ini memberi ruang untuk mengetengahkan aktiviti seperti komunikasi melalui penulisan mel elektronik, penulisan yang melibatkan elemen naturalis serta pelbagai aktiviti kinestetik yang telah diintegrasikan dalam aktiviti berkaitan penulisan bahasa Inggeris.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia menyediakan data empirikal mengenai keberkesanan pendekatan Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran penulisan Bahasa Inggeris kepada pelajar B40 yang dikenal pasti sebagai kumpulan berisiko tinggi. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi

panduan kepada guru dalam merancang pengajaran yang lebih bersifat pemusatan pelajar dan mengambil kira dominasi kecerdasan pelajar. Di samping itu, kajian ini turut menyumbang kepada dasar pendidikan inklusif dengan memberikan penekanan kepada pendekatan pengajaran yang mampu merapatkan jurang pencapaian antara pelajar daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi. Intervensi seperti program “Smart Score” berpotensi menjadi model rujukan untuk pelaksanaan aktiviti pengayaan kemahiran menulis secara menyeluruh dan bersasar.

Bahan dan Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang merangkumi dua pendekatan iaitu kajian deskriptif berbentuk tinjauan dan ujian pra dan pos. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang murid B40 dari salah sebuah sekolah menengah di negeri Perlis yang dikenal pasti lemah dalam kemahiran penulisan Bahasa Inggeris. Instrumen utama yang digunakan ialah soal selidik untuk mengenal pasti kecerdasan pelbagai yang dominan, berdasarkan kerangka Gardner, serta ujian pra dan pos untuk menilai tahap pencapaian penulisan sebelum dan selepas pelaksanaan program “Smart Score”. Program ini dilaksanakan dalam tempoh beberapa minggu dengan aktiviti pengajaran yang disesuaikan mengikut dominasi kecerdasan pelajar. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens bagi menentukan perubahan prestasi serta mengenal pasti kecerdasan dominan yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Berdasarkan reka bentuk kajian ini, pengkaji menjalankan kajian secara 2 fasa iaitu fasa pertama iaitu fasa analisis untuk melihat apakah kecerdasan pelbagai yang dominan dalam kalangan murid B40 di Sekolah Menengah Negeri Perlis. Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 responden. Sampel kajian yang dipilih secara rawak berstrata membolehkan pengkaji membuat generalisasi secara tetap berkenaan dengan sesuatu populasi yang dikaji. Dapatan kajian pula dianalisis menggunakan perisian SPSS For Windows version 26.0 (Statistical Package For Social Sciences).

Soal selidik tersebut bertujuan untuk mengenal pasti jenis kecerdasan pelbagai yang paling dominan, dengan memberi tumpuan kepada lapan jenis kecerdasan yang diperkenalkan oleh Howard Gardner (1983), iaitu: linguistik, logik-matematik, spasial, kinestetik, muzikal, interpersonal, intrapersonal, dan naturalistik. Menurut Siegel (1988), instrumen soal selidik adalah sesuai untuk pengukuran afektif bagi tujuan mengetahui kecenderungan, sikap persepsi dan sebagainya. Soal selidik ialah kaedah paling mudah dan cepat untuk memperoleh maklumat dalam penyelidikan yang dibuat. Setiap item dalam borang soal selidik mempunyai pilihan jawapan dengan menggunakan lima Skala Likert. Rasional skala Likert digunakan ialah kerana ia banyak digunakan dalam penyelidikan pendidikan (Mason dan Bramble, 1997) dan lebih senang dibina berdasarkan sepenuhnya pada data empirik mengenai respon penilai berbanding dengan pendapat subjektif penilai.

Hasil dapatan fasa pertama mendapati bahawa tiga kecerdasan pelbagai yang mencatatkan min yang tertinggi adalah kecerdasan intrapersonal, naturalis dan kinestetik. Oleh yang demikian program “Smart Score” telah dijalankan dengan menggunakan My English Writing Guide Book (MyEWGB) sebagai panduan. Ujian pra dan pos telah diberikan kepada 30 responden tersebut untuk menilai peningkatan yang berlaku setelah pelaksanaan program “Smart Score”

Dapatan Kajian

Jadual 1: Dapatan Soal Selidik Min dan Sisihan Piawai Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan Pelbagai	Min Pelajar	Sisihan Piawai
Matematik	2.793	1.037
Linguistik	2.757	.858
Ruang/Visual	2.815	.928
Kinestetik	2.866	.794
Muzik	2.637	.928
Intrapersonal	3.63	.730
Interpersonal	2.846	.847
Naturalis	2.993	5.816

Jadual 1 menunjukkan analisis tahap purata min dan sisihan piawai 8 kecerdasan pelbagai. Dapatan menunjukkan kecerdasan yang dominan dalam kalangan responden ialah kecerdasan intrapersonal (min 3.63) , kedua dominan ialah kecerdasan naturalis (min 2.993) dan ketiga dominan ialah kecerdasan kinestetik (min 2.866). Manakala 3 kecerdasan yang mencatatkan min terendah adalah kecerdasan Matematik (min 2.793), kecerdasan linguistik (min 2.757) dan kecerdasan muzik (min 2.637).

Analisis Kecerdasan Pelbagai Intrapersonal (IAP)

Soalan 51 hingga 60 dalam jadual merujuk kepada item yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada 30 responden mengenai analisis kecerdasan pelbagai Intrapersonal (IAP) dalam kalangan murid B40. Bagi soalan 51, sebanyak 46.7% responden menyatakan bahawa mereka sering melakukan refleksi diri. Seterusnya, jadual di bawah menunjukkan bahawa 86.7% responden bersetuju dengan soalan 52 yang menyatakan bahawa mereka mempunyai matlamat hidup yang jelas. Bagi soalan 53, 60.2% responden setuju bahawa mereka benar-benar memahami perasaan diri mereka. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh daripada responden mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap perasaan diri mereka. Untuk soalan 55, 70% responden mengakui bahawa mereka lebih suka bekerja secara individu. Dalam soal 56, 53.2% responden bersetuju bahawa mereka seorang yang tetap dengan prinsip. Selain itu, 56.47% responden setuju bahawa mereka hanya mempunyai beberapa orang kawan rapat. Bagi soalan 59, 56.8% responden menyatakan bahawa mereka menerima diri mereka apa adanya, manakala 96.7% responden bersetuju bahawa mereka sedar akan kekuatan dan kelemahan diri mereka. Kesemua ini menunjukkan bahawa hampir kesemua responden mempunyai pemahaman yang mendalam tentang perasaan dan diri mereka.

Jadual 2: Analisis Kecerdasan Pelbagai Intrapersonal (IAP)

No	Item Soalan	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
KECERDASAN 6		PERATUS%					
51.	Saya selalu membuat refleksi	6.7	46.7	40.0	6.7	2.47	.730
52	Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas	6.7	6.7	46.7	40.0	3.20	.847
53	Saya mempunyai gerak hati (intuitions) yang selalunya menjadi kenyataan	3.3	30.0	33.3	33.3	2.97	.89
54	Saya amat memahami perasaan saya	0	6.7	36.7	56.7	3.50	.630
55	Saya suka bekerja bersendirian	6.7	20.0	16.7	53.3	3.21	1.013
56	Saya seorang yang teguh pendirian	3.3	16.7	50.0	30.0	3.07	.785
57	Saya suka mencatat peristiwa hidup saya	10.0	46.7	10.0	33.3	2.67	1.061
58	Saya mempunyai beberapa kawan rapat	10.0	16.7	16.7	53.3	3.17	1.071
59	Saya menerima diri saya seadanya	0	3.3	43.3	53.3	3.5	.572
60	Saya sedar akan kekuatan dan kelemahan diri saya	0	3.3	30.0	66.7	3.63	.556
PURATA		4.67	19.68	32.34	42.66	3.63	.815

Analisis Kecerdasan Pelbagai Naturalis (NR)

Soalan 71 hingga 80 dalam jadual merujuk kepada item yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada 30 responden berkaitan analisis kecerdasan Naturalis (NR). Berdasarkan jadual di bawah, 83.3% responden bersetuju dengan soalan nombor 75 yang menyatakan bahawa mereka menyayangi haiwan, manakala 66% responden menyatakan

bahawa mereka gemar menghabiskan masa menikmati keindahan alam sekitar. Selain itu, 80% responden mengakui bahawa mereka suka mengikuti lawatan sambil belajar ke tempat-tempat seperti taman botani. Bagi soalan nombor 79, lebih separuh, iaitu 80% responden bersetuju bahawa mereka lebih suka belajar di luar bilik darjah.

Jadual 3: Analisis Kecerdasan Pelbagai Naturalis (NR)

No	Item Soalan	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
KECERDASAN 8		PERATUS%					
71	Saya terlibat secara aktif dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar	16.7	23.3	40	16.7	3.63	5.816
72	Saya suka mengembara dalam hutan	13.3	36.7	23.3	26.7	2.63	1.033
73	Saya suka berkebun	20.0	16.7	26.7	36.7	2.80	1.157
74	Saya suka mengumpul benda-benda seperti batu-batu	20.0	36.7	20.0	23.3	2.47	1.074
75	Saya menyayangi haiwan	6.7	10.0	20.0	63.3	3.40	.932
76	Saya suka lawatan sambil belajar ke tempat-tempat seperti taman botani	10.0	10.0	23.3	56.7	3.27	1.015
77	Saya suka mempelajari nama-nama hidupan flora dan fauna	10.0	26.7	30.0	33.3	2.87	1.008
78	Saya menghantar bahan-bahan buangan ke pusat kitar semula	20.0	23.3	40.0	16.7	2.53	1.008

79	Saya suka belajar di luar bilik darjah	10.0	10.0	30.0	50.0	3.20	.997
80	Saya suka menghabiskan masa menikmati alam sekitar	6.7	26.7	13.3	53.3	3.13	1.042
PURATA		13.34	22.01	26.6	37.67	2.993	1.5082

Analisis Kecerdasan Pelbagai Kinestetik Badan (KNS)

Soalan 31 hingga 40 dalam jadual merujuk kepada item yang digunakan untuk memperoleh maklum balas daripada 30 responden berkaitan analisis kecerdasan pelbagai Kinestetik Badan (KNS) dalam kalangan murid B40. Berdasarkan jadual di bawah, 86.7% responden menyatakan bahawa mereka gemar bersukan, manakala 86.6% responden mengakui mereka suka menjalani gaya hidup yang aktif. Untuk soalan nombor 33, 66.7% responden setuju bahawa mereka mudah menguasai sukan baru. Mengikut soalan 36, 76.7% responden bersetuju bahawa mereka lebih mudah menguasai kemahiran baru melalui pengalaman langsung. Sebanyak 45.8% responden pula setuju bahawa mereka mempunyai tahap koordinasi pergerakan fizikal yang tinggi dan mampu menggunakan perkataan untuk menggambarkan sesuatu dengan jelas. Bagi soalan nombor 37, 53.3% responden menyatakan mereka mempunyai koordinasi pergerakan fizikal yang baik. Selain itu, 66.7% responden bersetuju bahawa mereka gemar menggerakkan tangan semasa berbual. Bagi soalan 40, 36.6% responden menyatakan mereka lebih suka mengukur jarak dengan menggunakan anggota badan tertentu, seperti sejengkal.

Jadual 4: Analisis Kecerdasan Pelbagai Kinestetik Badan (KNS)

No	Item Soalan	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
KECERDASAN 4		PERATUS%					
31.	Saya suka bersukan	3.3	10.0	40.0	46.7	3.30	.794
32	Saya menjalani gaya hidup yang aktif	0	13.3	43.3	43.3	3.30	.702
33	Saya dapat menguasai bidang sukan yang baru dengan mudah	6.7	26.7	36.7	30.0	2.90	.923

34	Saya gemar menyentuh barang yang saya lihat untuk mengetahui tekstur barang	6.7	30.0	30.0	33.3	2.90	.960
35	Saya sering menggerakkan tangan semasa perbualan	13.3	20.0	30.0	36.7	2.90	1.062
36	Saya lebih mudah menguasai kemahiran baru dengan cara melakukannya	3.3	20.0	36.7	40.0	3.13	.860
37	Saya mempunyai tahap koordinasi pergerakan fizikal yang tinggi	10.0	36.7	43.3	10.0	2.53	.819
38	Saya suka terlibat dalam pementasan drama	26.7	36.7	20.0	16.7	2.27	1.048
39	Saya gemar mencuba resipi masakan yang baru	10.0	13.3	40.0	36.7	3.03	.964
40	Saya suka mengukur jarak menggunakan anggota badan tertentu (seperti sejengkal)	10.0	53.3	23.3	13.3	2.40	.855
PURATA		9	26	34.3	30.6	2.866	.913

Jadual 5: Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos 30 responden

BIL	RESPONDEN	UJIAN PRA	UJIAN POS
1	001	10	15
2	002	8	16
3	003	7	17
4	004	10	16
5	005	5	15
6	006	12	16
7	007	9	16
8	008	3	14
9	009	11	17
10	010	12	17

11	011	12	16
12	012	15	16
13	013	12	16
14	014	1	14
15	015	5	14
16	016	15	16
17	017	14	16
18	018	4	15
19	019	11	17
20	020	12	17
21	021	9	16
22	022	12	16
23	023	11	17
24	024	15	17
25	025	14	18
26	026	12	17
27	027	11	16
28	028	8	16
29	029	11	18
30	030	10	16

Kajian ini menggunakan ujian t berpasangan (paired sample t-test) untuk menilai keberkesanan intervensi *My English Writing Guide Book (MyEWGB)* terhadap peningkatan kemahiran penulisan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Data yang diperoleh adalah markah daripada ujian pra dan ujian pos bagi 30 orang responden.

Berikut ialah ringkasan statistik deskriptif bagi skor penulisan murid sebelum (pra) dan selepas (pos) menggunakan *My English Writing Guide Book (MyEWGB)*:

Jadual 6: Ringkasan Statistik Deskriptif

Statistik	Nilai
Min (Ujian Pra)	10.03
Min (Ujian Pos)	16.10
Perbezaan Min	6.07
Nilai t	-11.14
Nilai p	.000
Keputusan Ujian	Signifikan (p < 0.001)

Hipotesis Kajian:

- Hipotesis nol (H_0): Tiada perbezaan yang signifikan antara skor min markah penulisan sebelum dan selepas intervensi.
- Hipotesis alternatif (H_1): Terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min markah penulisan sebelum dan selepas intervensi.

Berdasarkan jadual 6.0, keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -11.14$ $df = 29$, p pada aras $0.000 < 0.005$ antara skor min markah pra ($M = 10.03$, $SP = 3.59$, $P < 0.005$ dengan skor min markah pos ($M = 16.10$, $SP = 1.028$, $P < 0.005$). Nilai p bagi ujian $t = 0.000 < 0.005$, maka hipotesis nol ditolak. Dapatan ini menyokong keberkesanan penggunaan *My English Writing Guide Book (MyEWGB)* yang dibangunkan berasaskan teori Kecerdasan Pelbagai dalam meningkatkan keupayaan penulisan murid B40.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan kecerdasan pelbagai yang disesuaikan dengan kecerdasan dominan dalam kalangan murid B40 di sekolah menengah Negeri Perlis telah berjaya meningkatkan kemahiran penulisan Bahasa Inggeris mereka. Dapatan daripada soal selidik menunjukkan bahawa kecerdasan intrapersonal, naturalis, dan kinestetik adalah yang paling dominan, yang menggariskan pentingnya pendekatan pengajaran yang memberi tumpuan kepada kecerdasan individu dalam meningkatkan pembelajaran.

Hasil dapatan pra dan pos melalui program “Smart Score” yang menggunakan *My English Writing Guide Book (MyEWGB)* menunjukkan peningkatan yang jelas dalam kemahiran penulisan Bahasa Inggeris murid dan ini membuktikan bahawa pendekatan ini memberi kesan positif terhadap pencapaian mereka. Ini sejajar dengan dapatan kajian lepas yang menyatakan bahawa pendekatan pengajaran yang disesuaikan dengan kecerdasan dominan individu mampu meningkatkan pencapaian akademik dan keterlibatan pelajar secara menyeluruh (Altan, 2023; Kim & Park, 2022). Hal ini membuktikan bahawa pendekatan yang disesuaikan dengan kekuatan kecerdasan pelbagai pelajar bukan sahaja meningkatkan minat mereka terhadap Bahasa Inggeris, tetapi juga membantu mereka mengatasi cabaran pembelajaran yang dihadapi, khususnya dalam penguasaan penulisan.

Peningkatan dalam dapatan pos menunjukkan bahawa pendekatan yang berasaskan Kecerdasan Pelbagai dapat memberi impak yang positif terhadap kemahiran penulisan Bahasa Inggeris murid. Hasil dapatan mencerminkan keberkesanan *My English Writing Guide Book (MyEWGB)* dalam menggalakkan pembelajaran yang lebih aktif, bermotivasi, dan peribadi. Dengan menekankan kecerdasan dominan dalam diri murid, aktiviti penulisan menjadi lebih relevan serta memberi peluang kepada mereka untuk mengaitkan pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan kandungan pembelajaran secara lebih bermakna (Gardner, 2006). Penemuan ini turut disokong oleh kajian-kajian terkini yang menegaskan bahawa strategi berasaskan MI dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam literasi, menggalakkan motivasi intrinsik, dan memperkukuh penglibatan pelajar. Contohnya, kajian oleh Altan (2023) menunjukkan bahawa aplikasi kecerdasan pelbagai dalam konteks EFL (English as a Foreign Language) dapat meningkatkan pencapaian penulisan dan memperkayakan proses kognitif pelajar. Selain itu, Kim dan Park (2022) menekankan bahawa pendekatan yang diperibadikan mengikut kecerdasan dominan pelajar mempercepatkan perkembangan kemahiran menulis dan menjadikan pengalaman pembelajaran lebih holistik. Kajian oleh Rahimi & Sajjadi (2021) juga mendapati kecerdasan pelbagai sebagai pendekatan yang menyokong pelbagai gaya pembelajaran, meningkatkan keberkesanan pengajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan kecerdasan pelbagai dapat menjadi kaedah yang efektif untuk meningkatkan kemahiran penulisan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid B40. Oleh itu, pendekatan ini harus dipertimbangkan sebagai strategi

pengajaran yang lebih inklusif dan berkesan dalam usaha untuk membantu murid-murid mencapai penguasaan Bahasa Inggeris yang lebih baik (Mahbub, M. A., 2018). Kajian ini juga mencadangkan bahawa pengajaran bahasa Inggeris yang lebih fokus kepada kecerdasan pelbagai boleh memperkaya pengalaman pembelajaran murid dan meningkatkan pencapaian mereka dalam kemahiran penulisan. Pendekatan ini juga boleh dipertimbangkan dalam konteks pengajaran subjek lain untuk memastikan setiap murid diberi peluang untuk belajar dengan cara yang paling sesuai dengan kecerdasan mereka. Penerapan teori kecerdasan pelbagai dalam bilik darjah dapat memberikan hasil yang lebih holistik dalam pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dalam kalangan murid B40 yang mungkin memerlukan pendekatan yang lebih disesuaikan dengan keperluan dan kekuatan mereka.

Pengakuan

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE) yang telah menganugerahkan Geran Jangka Pendek bagi menjayakan projek penyelidikan ini.

Rujukan

- Alvarez, M. P. (2021). Multiple intelligences and writing in the ESL classroom. *Journal of Language Pedagogy*, 11(2), 55–68.
- Amin, R., & Malek, M. (2021). Utilizing kinesthetic intelligence activities to improve writing. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(3), 789–798. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i3/8684>
- Armstrong, T. (2009). *Multiple intelligences in the classroom* (3rd ed.). ASCD.
- Azali, J. M., Ismail, F. S., Akil, N. L., & Yeap, T. W. (2025). Meningkatkan kemahiran penulisan murid B40 melalui kecerdasan pelbagai dan pemeraksanaan peribadi [Manuskrip tidak diterbitkan]. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Aziz, A. A., & Ibrahim, M. B. (2018). The use of MI theory in enhancing writing skills among secondary school learners. *Indonesian Journal of EFL and Linguistics*, 3(2), 115–132.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional Design: The ADDIE Approach*. New York, NY: Springer. <https://doi.org/10.1007/978-0-387-09506-6>
- Chan, L. Y., & Subramaniam, G. (2022). Using multiple intelligences framework in ESL writing classrooms: A Malaysian case study. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(2), 91–108. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2202-06>
- Fung, P. (2015). Socio-economic status and English language proficiency: Challenges and solutions. *Journal of Language Education and Research*, 3(2), 23–34.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. Basic Books.
- Goh, C. C. M., & Ho, S. K. (2012). The role of multiple intelligences in the teaching of English as a foreign language. *Asian EFL Journal*, 14(4), 127–150.
- Irawati, E., & Yusnita, R. (2016). Applying multiple intelligences to improve students' descriptive writing. *Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 1(1), 20–28.
- Ismail, K., AlSaqqaf, A., & Din, N. M. (2021). Multiple intelligences as predictors of English language proficiency among Malaysian pre-university students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 437–446. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v10-i3/10894>
- Karami, H., & Kiani, G. (2022). The impact of multiple intelligences-based instruction on EFL learners' writing performance. *International Journal of Instruction*, 15(1), 23–38. <https://doi.org/10.29333/iji.2022.1512a>

- Mahbub, M. A. (2018). Integrating multiple intelligences in teaching English for specific purposes (ESP). *Journal of Language Teaching and Research*, 9(6), 1270–1278. <https://doi.org/10.17507/jltr.0906.18>
- Mason, E. J., & Bramble, W. J. (1997). *Research in education and the behavioral sciences: Concepts and methods*. Brown & Benchmark Publishers.
- Mulyani, S. (2020). The use of multiple intelligences theory to enhance students' writing performance in EFL classroom. *English Language Teaching Educational Journal (ELTEJ)*, 3(1), 45–51. <https://ejournal.upi.edu/index.php/eltej/article/view/26162>
- Pajares, F., & Valiante, G. (2023). Self-efficacy beliefs and writing performance: A new analysis. *Educational Psychology Quarterly*, 38(1), 34–50.
- Rashid, R. A., & Abdullah, S. K. (2021). Addressing learning diversity among B40 students through multiple intelligences approaches. *Journal of Education and Learning*, 15(3), 101–115.
- Setiawan, M. A. (2021). MI-based learning and its effectiveness in developing descriptive writing in senior high school. *English Education Journal*, 11(1), 54–63.
- Shamsuddin, N., & Azman, H. (2019). Enhancing ESL learners' writing skills through cooperative learning activities. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 121–142. <https://doi.org/10.32890/mjli2019.16.2.5>
- Siegel, H. (1988). *Educating reason: Rationality, critical thinking, and education*. Routledge.
- Yusuf, N. K., & Ibrahim, A. (2017). Improving students' writing skill through multiple intelligence approach. *Advances in Language and Literary Studies*, 8(5), 57–64. <https://doi.org/10.7575/aiac.all.v.8n.5p.57>